

Headline	Misi 2 dalam 1 Zakat Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	12,13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	656 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,965
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,896



Misi '2 dalam 1' Zakat Selangor

Selain mengagih zakat, Lzs turut menjalankan usaha dakwah

peristiwa

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD
agama@utusan.com.my

MENYEBUT institusi zakat, pastinya umum membayangkan sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab bagi mengutip dan mengumpulkan wang zakat untuk diagihkan kepada lapan golongan asnaf dinyatakan dalam al-Quran.

Namun, bukan sekadar itu, ramai tidak menyedari peranan institusi yang menawarkan bantuan dan peluang kedua kepada umat Islam menjalani kehidupan lebih baik itu turut diperluaskan dengan aktiviti menyebarkan dakwah Islam.

Ia sebagaimana dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor) yang mengambil kesempatan memperkenalkan agama Islam kepada masyarakat sekeiling ketika mengunjungi dan mengadakan jelajah ke sesetua lokasi.

Mengikuti program Jelajah Kasih Bersama Asnaf (Zikra 2.0/2016), ke Pulau Ketam, Pelabuhan Klang, Selangor baru-baru, peserta program itu berpeluang melihat pengisian dua remaja Orang Asli di pulau majoriti berpenghuni bukan Islam tersebut.

Ahli Jawatankuasa Agihan, Zakat Selangor, **Datuk Ibrahim Md. Yusof** berkata, program Zikra bertujuan menunjukkan kepada pembayar zakat sama ada daripada institusi, syarikat dan perseorangan

hasil agihan yang disumbangkan kepada penerima secara terus.

"Ramai pembayar bertanya ke mana pergiya duit zakat yang mereka sumbangkan. Menerusi program ini, kita membawa pembayar terpilih untuk melawat dan melihat sendiri hasil kutipan zakat yang diajihkan kepada penerima."

"Alhamdulillah, dalam program ini juga, kita dapat saksikan dua Orang Asli di Sungai Dua, Pulau Ketam ini memeluk Islam yang disempurnakan syahadah oleh Penolong Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Klang, Mohd. Nazim Suratman.

"Ini juga merupakan usaha Zakat Selangor dalam menyebarkan dakwah secara tidak langsung. Sumbangan pada hari ini juga menyasarkan kepada golongan mualaf dan fakir miskin," katanya.

Turut hadir wakil daripada Bank Muamalat Berhad, TWO FS Resourcers Sdn. Bhd., KPJ Healthcare Berhad, Perbadanan Menteri Besar Selangor dan Naza Group.

Pada program itu, Ibrahim turut menyerahkan bantuan e-petrol berupa bantuan makanan bulanan kepada asnaf dan melancarkan kedai terpilih untuk dijadikan ejen e-kasih yang merupakan kedai agen asnaf mengambil bantuan keperluan makanan bulanan.

Dalam pada itu, Ibrahim berkata, pihaknya menyasarkan kutipan sebanyak RM645 juta pada tahun ini berbanding sebanyak RM627.2 juta jumlah kutipan keseluruhan pada tahun 2015.

"Oleh itu, kita sentiasa meningkatkan



IBRAHIM MD. YUSOF menyerahan sumbangan zakat kepada ahli jawatankuasa Balai Islam, Pulau Ketam, Ishak Ho (empat kiri) pada program Zikra 2.0/2016 di Pulau Ketam, baru-baru ini.

usaha bagi menambah jumlah kutipan, gerak kerja kita lebih memfokuskan untuk memudahkan orang ramai membayar zakat. Kini pembayar tidak perlu lagi

bersusah ke kaunter kerana bayaran juga boleh dilakukan semudah dalam talian dan juga menerusi khidmat pesanan ringkas," jelasnya.

Headline	Misi 2 dalam 1 Zakat Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	12,13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	656 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,965
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,896



Headline	Moga Ramadan kali ini lebih baik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	242 cm ²
Journalist	kota@utusangroup.com.my	AdValue	RM 4,827
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,481



Moga Ramadan kali ini lebih baik

ALHAMDULILLAH, syukur kepada Allah Taala kerana mewujudnya kita untuk terus bernafas di bumi ini bertemu Ramadan lagi.

Ramadan kali ini cukup istimewa dan berbeza kerana jatuh pada minggu kedua cuti sekolah.

Kesempatan ini diambil rama-rama warga kota, termasuk penulis pulang ke kampung halaman dengan niat sama muahu bersahur dan berbuka bersama ayah ibu tercinta.

Sejak jumaat lalu, ribuan kenderaan dilihat bergerak perlahan menuju arah selatan, utara dan pantai timur meninggalkan ibu negara.

Aliran lalu lintas di beberapa jalan utama sekitar ibu negara lengang berbanding hari-hari sebelumnya.

Hakikatnya, kedatangan Ramadan memberi seribu rahmat kepada seluruh umat Islam, bukan sahaja untuk menambah rezeki tetapi mengutip pahala.

Peniaga bazar antara yang cukup merasai nikmati setiap kali bulan Ramadan.

Pelbagai juadah berbuka dijual di tapak bazar yang disediakan pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan masing-masing.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) antara PBT yang tidak pernah ketinggalan menyediakan petak bazar kepada golongan ini.

PETAK KUNING

Roslah Othman

kota@utusangroup.com.my

Tidak terkecuali PBT di Selangor seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Pembukaan tapak bazar ini dengan tujuan sama membantu peniaga dan memudahkan orang ramai yang sibuk.

Namun harus dingat, berniagaalah secara sihat.

Jangan keuntungan dicari semata-mata, tetapi perlu lebih bertanggungjawab terhadap pelanggan.

Ini termasuk mematuhi peraturan ditetapkan PBT, terutama aspek kebersihan penyediaan makanan dan persekitaran.

Sebagai pelanggan pula, berpadu-padalah kita ketika membeli juadah.

Elakkan Ramadan menjadi pencetus kepada perbuatan negatif seperti pembaziran dan bermalas-malasan dalam melakukan tanggungjawab harian.

Penutup kalam, penulis mewakili *Unit Utusan Kota* mengambil kesempatan mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa.

Ramadan bukan mengubah jadual harian.



PELBAGAI juadah disediakan oleh peniaga di bazar Ramadan di sekitar Lembah Klang.

Headline	Dash bakal beri keselesaan kepada lebih setengah juta penduduk sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	151 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,012
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,036



Dashboard bakal beri keselesaan kepada lebih setengah juta penduduk sekitar

SHAH ALAM 6 Jun - Pembinaan Lebuh Raya Damansara-Shah Alam (Dash) diyakini akan menyelesaikan kesesakan teruk di Persiaran Mokhtar Dahari dan Kota Damansara sekali gus memberi keselesaan kepada kira-kira 500,000 penduduk di kawasan tersebut.

Timbalan Pengerusi Gerakan Yes 2Dash (Y2D), Adlan Abdul Razak berkata, sehubungan itu adalah wajar kerajaan PKR Selangor menyegerakan pembinaan lebuh raya itu dan menamatkan perderitaan penduduk sekitar yang telah lama berlarutan.

Menurutnya, berdasarkan kenyataan Menteri Besar, Datuk



ADLAN ABDUL RAZAK

Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini, projek itu mendapat sokongan pelbagai pihak dan hanya ditentang kira-kira dua peratus daripada penduduk terlibat.

"Kami percaya Menteri Besar amat prihatin dengan masalah majoriti penduduk di kawasan terbabit kerana pembinaan Dash ini sejajar dengan saranan beliau yang mahukan rakyat mempunyai kehidupan berkualiti.

"Kami juga maklum projek ini ada pihak yang menentangnya, tetapi tentang itu perlu dinilai pada meritnya bukan berdasar-

kan sentimen," katanya dalam sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Adlan berkata, pihaknya juga percaya Dash adalah pembangunan berkualiti dan inisiatif peduli yang dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat dan menjana ekonomi penduduk sekitar.

"Dash juga dapat menyokong pembangunan di sekitar Persiaran Mokhtar Dahari, Kampung Melayu Subang, Subang Bestari, Kwasa Land dan Kota Damansara.

"Tiada lagi alasan melainkan menyegerakan pembinaan lebuh raya ini kerana kelewatanya akan mengakibatkan kos yang semakin tinggi dan akhirnya akan ditanggung oleh rakyat," ujarnya.

Headline	PAN perlekeh Sungai Panjang, agungkan Sekinchan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,114
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,342



PAN perlekeh Sungai Panjang, 'agungkan' Sekinchan?

SABAK BERNAM 6 Jun

- Adakah calon PAN, Azhar Abd. Shukur terlalu bergantung kepada pengundi di kawasan Sekinchan untuk menang berdepan Barisan Nasional (BN) dan Pas?

Dalam sidang akhbaranya di Ibu pejabat DAP di sini hari ini, Azhar menyifatkan Sekinchan lebih maju berbanding Sungai Panjang, sebuah penempatan nelayan yang agak terbelakang.

Malah, beliau menganggap kefahaman politik pengundi Sekin-



AZHAR ABD. SHUKUR

chan lebih ke hadapan dan bandar itu boleh dijadikan 'bandar universiti politik' untuk melatih rakyat memahami keadaan politik semasa.

"Mungkin undi Sekinchan undi penentu (membantu kemenangan PAN dalam pilihan raya kecil Sungai Besar 18 Jun ini) tetapi kalau tidak ada sokongan daripada pengundi Melayu dan India, ia tidak seperti yang kita (PAN) harapkan," katanya.

Daripada 42,655 pengundi

berdaftar kawasan parlimen Sungai Besar, 30.70 peratus atau 13,094 adalah pengundi Jina dengan majoritinya iaitu 9,1:9 orang berada di Sekinchan.

Azhar, 51 yang berdepan calon BN, Budiman Mohd. Zodji, 44, dan Dr. Abdul Rani Osman, 58 (Pas) turut meminta para penyokong pakatan pembangkang agar tidak lagi terkeliru bahawa Pas kin bukan lagi anggota pakatan itu.

"Pas hanyalah bekas (anggota) pakatan pembangkang, dia juga sokongan tidak kira siapa salkan melalui pakatan harapn (pakatan pembangkang dia nggotai DAP, PAN dan PKR," kata dia.

Headline	DAP masih meneruskan agenda Malaysian Malaysia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	135 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,693
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,079



DAP masih meneruskan agenda *Malaysian Malaysia*

KUALA LUMPUR 6 Jun - Barisan kepemimpinan DAP dilihat masih mahu meneruskan agenda melaksanakan konsep *Malaysian Malaysia* dengan menyokong PAN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antara-bangsa Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak** berkata, konsep itu merupakan agenda DAP sejak dahulu dan ia tidak pernah berubah.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) memberitahu, konsep *Malaysian Malaysia* jauh berbeza dengan 1Malaysia dan tidak boleh dilaksanakan kerana majoriti isi kandungan konsep

tersebut melanggar Perlembagaan.

"Atas sebab itu, DAP bersungguh-sungguh menyokong PAN dalam pilihan raya ini kerana majoriti barisan kepemimpinan dan ahli dalam parti baharu itu terdiri daripada mereka yang kalah dalam pemilihan Muktamar Pas Ke-61 di Kuala Selangor, tahun lalu berikutan tidak menyokong pelaksanaan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah yang baru di Kelantan.

"Sehubungan itu, pengundi di kedua-dua kawasan tersebut perlu bijak dalam menilai calon yang bakal diundi dan berhati-hati dengan agenda tersembunyi



MOHAMED MUSTAFA

DAP ini," kata dia ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai dakwaan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menyatakan DAP menyokong PAN dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar kerana mempunyai agenda tersendiri iaitu menghalang perjuangan Islam.

Sementara itu, pengalisis politik tempatan, **Prof. Madya Dr. Ismail Sulaiman** berkata, barisan kepemimpinan DAP sepertutnya hanya menjadi pemerhati dengan membenarkan PAN bertanding dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar menerusi konsep berdiri di atas kaki sendiri.

Headline	Mana ada, Sungai Panjang membangunlah Budiman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,574



'Mana ada, Sungai Panjang membangunlah' – Budiman

SABAK BERNAM 6 Jun - Tidak wajar melabelkan Sungai Panjang sebagai ketinggalan kerana sektor pelancongan kawasan itu semakin membangun selain mempunyai kemudahan infrastruktur kesihatan dan pendidikan yang baik.

Calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi berkata, antara kemudahan pendidikan di situ ialah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Sungai Besar serta klinik kesihatan.

"Banyak ekopelancongan di Sungai Panjang, antaranya juga tarikan kelip-kelip dan pesisir

laut yang cantik," katanya yang juga ADUN Sungai Panjang dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan calon PAN, Azhar Abd. Shukur yang menyifatkan pembangunan Sungai Panjang agak terkebelakang berbanding Sekinchan.

Dalam pada itu, Budiman meminta semua pihak tidak menjadikan pencalonan beliau sebagai isu dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar.

Katanya, soal menyandang jawatan ADUN dan pada masa bertanding kerusi Parlimen bukanlah isu yang perlu diperbesar-

besarkan kerana ia perkara biasa dalam politik termasuklah dalam kalangan pihak pembangkang.

"Cuba tanya perkara itu kepada Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Timbalan Presiden PKR) yang menjadi Ahli Parlimen Gombak dan ADUN Bukit Antarabangsa. Tanyalah juga Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh dan pada masa sama ADUN Kangjung.

"Yang penting khidmat kita berikan kepada rakyat. Saya harap rakyat terus berikan kepercayaan kepada BN," katanya.

Headline	Kit Siang akui peluang PAN amat tipis		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,143
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,429



Sungai Besar kubu kuat BN sejak merdeka

Kit Siang akui peluang PAN amat tipis

Oleh HUSSAINI AMRAN

hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 JUN

PENASIHAT DAP, Lim Kit Siang mengakui calon PAN, Azhar Abdul Shukur mempunyai peluang yang amat tipis untuk memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar.

Beliau berkata, Azhar memerlukan 'keajaiban politik' memandangkan kawasan tersebut merupakan kubu kuat Barisan Nasional (BN).

Menurut Kit Siang, BN tidak pernah kalah dalam setiap pilihan raya yang diadakan di Parlimen

Sungai Besar sejak merdeka.

"Walaupun pakatan pembangkang berada di puncak kekuatannya pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), BN masih memenangi kerusi Parlimen Sungai Besar dengan majoriti tipis 399 undi," katanya dalam teks ucapan yang dipaparkan melalui laman blog beliau (<http://blog.limkitsiang.com>) hari ini.

Ucapan tersebut disampaikan Kit Siang dalam ceramah kempen PRK Parlimen Sungai Besar di Sekinchan, Selangor malam tadi.

PRK Parlimen Sungai Besar pada 18 Jun ini bakal menyaksikan pertembungan tiga penjuruh antara calon BN, Budiman Mohd. Zohdi; calon Pas, Dr. Abdul Rani

Osman dan Azhar.

Kit Siang turut meragui empatuan pakatan pembangkang yang baharu dan PAN untuk mengatasi pencapaian Pas di kerusi Parlimen Sungai Besar pada PRU-13.

"Pakatan pembangkang yang baharu dan PAN merupakan entiti-entiti politik Malays yang belum pernah diuji."

"Mampukah kedua-duanya menyaingi prestasi Pas an pakatan pembangkang sebelum ini dalam PRU-13?" katanya.

Beliau juga merangalkan Pas akan kehilangan sekurang-kurangnya 10,000 undi dalam PRK Parlimen Sungai Besar berbanding 18,296 undi yang diterima parti itu pada PRU-13.



07 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 1,6 • Printed Size: 541.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,228.00
PR value: MYR 27,684.00 • Item ID: MY0026211354

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahtohuong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

◀ Foto kemesraan pemimpin Pas dan BN yang duduk semeja di khemah BN pada hari penamaan calon kelmarin menjadi viral di media sosial.

Pemimpin Pas perjelas gambar mesra yang viral di media sosial bukan bukti mereka berpaktat dengan BN

TIADA PAKATAN PAS-BN

“ Kadang-kala sekeping gambar boleh mengundang pelbagai fitnah.”
- Timbalan Presiden Pas,
Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man

“ Satu politik murahan yang tidak matang.”
- Pesuruhjaya Pas Selangor,
Datuk Iskandar Abdul Samad

6

Pas nafi jalin kerjasama

SUNGAI BESAR - Pas menafikan gambar kemesraan pemimpin parti itu dan BN pada hari penamaan calon kelmarin yang tersebar dalam laman sosial, menandakan parti itu ke arah menjalin kerjasama dengan Umno.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, adalah menjadi



kebiasaan setiap kali penamaan calon, pemimpin berbeza fahaman politik akan bertemu antara satu sama lain sementara menunggu pengurus pilihan raya mengumumkan calon parti bertanding.

"Kebetulan (penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment Sungai Besar) saya pun ada jumpa dengan (Timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk ucap takziah bagi pihak Pas kepada beliau di atas kematian menantunya," katanya pada sidang media di Markaz Pas Simpang Lima, disini, semalam.

Ketika hari penamaan calon di Dewan Seri Bernam, kemesraan pemimpin Pas dan BN duduk semeja di khemah BN menjadi tumpuan media sosial.

Dalam gambar itu Tuan Ibrahim dan Datuk Mustafa Ali bersarapan bersama Ahmad Zahid; Pengarah Pilihan Raya

BN Sungai Besar, Tan Sri Noh Omar dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Bagaimanapun, Tuan Ibrahim menegaskan, dalam keadaan media baharu yang terbuka ini, kadang-kala sekeping gambar boleh mengundang pelbagai fitnah.

"Saya nak jelaskan kunjungan ke khemah parti berlainan politik adalah perkara biasa. Tapi saya nak sebut, kita akan lawan calon BN...lawan tetap lawan," katanya.

Di tanya adakah Pas bimbang jika gambar yang tersebar itu menjelaskan sokongan pengundi terhadap parti itu, Tuan Ibrahim menjelaskan, mereka perlu memberi penjelasan tentang perkara itu kepada pengundi terutama ke-

pada penyokong atas pagar.

Sementara itu Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Iskandar

Abdul Samad menyifatkan gambar yang diviralkan dalam media sosial itu satu politik murahan dan tidak matang.

"Politik yang dibawa Pas ialah politik berdasarkan realiti dan bukan politik persepsi. Politik persepsi seperti inilah yang kita tentang sebab tak selari dengan budaya politik matang dan sejahtera yang dibawa Pas," katanya.



Tuan Ibrahim (dua, kanan) dan Iskandar (kanan) pada sidang media di Markaz Pas Simpang Lima, semalam/



07 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 154.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,626.88
PR value: MYR 7,880.64 • Item ID: MY0026211704

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@negeris.com.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Jaga keharmonian masjid: Mais

SHAH ALAM – Majlis Agama Islam Selangor (Mais) melalui Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menegaskan supaya pihak masjid dan surau tidak memanggil penceramah, pendakwah serta khatib yang tidak mempunyai tauliah Mais.

Pengerusi Mais, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa berkata, langkah ini penting bagi mengelak berlakunya penularan dan penyebaran fahaman serta doktrin salah yang mudah diterima masyarakat Islam setempat.

"Selaku pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan surau seluruh Selangor, Mais bertanggungjawab memastikan agar fungsi dan peranan masjid sentiasa berjalan baik bagi manfaat masyarakat Islam setempat.

"Ini termasuklah menjaga keharmonian masjid dengan memasti-

kan masjid dan kawasan zonnya bebas daripada medan berpolitik," katanya melalui satu kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, Mais melalui Jais akan meningkatkan penguasaan di semua masjid dan surau di negeri ini bagi memastikan larangan berpolitik dan mencemar kesucian masjid sentiasa dipatuhi.

"Arahan ini bertepatan dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semasa majlis pengurniaan tauliah Imam Selangor pada 8 Mac lalu.

"Justeru itu, Mais dan Jais mengingatkan nazir dan imam supaya mematuhi titah tersebut dan tidak akan teragak-agak



MOHAMAD ADZIB

mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang mengingkari titah baginda itu," katanya.

Beliau berkata, masjid bukan tempat untuk menyebarkan fitnah dan berita tidak tepat selain medan untuk membenci antara satu sama lain.

"Marilah kita bersama-sama memelihara kesucian masjid atau surau sebagai tempat untuk beribadat," katanya.

Menurutnya, kesucian masjid perlu dipelihara bagi membolehkan umat Islam beribadat dengan selesa dan dapat meraih ganjaran yang dijanjikan ALLAH SWT pada Ramadan ini.

Headline	Bina jalan di tebing sungai		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,014
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,042



Bina jalan di tebing sungai

PUCHONG - Kerajaan dicadang membina lebih banyak jalan di tebing sungai sebagai usaha mencegah kegiatan pembuangan sampah yang berleluasa di kawasan persekitaran itu.

Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo berkata, apabila jalan dibina di tebing sungai dan kenderaan lalu-lalang, pembuang sampah akan takut melakukan perbuatan tersebut kerana mudah dilihat orang lain.

Katanya, kewujudan laluan jalan di tepi sungai sekali gus boleh mengatasi masalah pencemaran tebing sungai.

"Saya lihat di Puchong ada pihak tertentu gemar buang sisa buangan di tebing sungai menyebabkan keadaan persekitaran kotor dan air sungai tercemar."

"Aktiviti pembuangan sampah haram biasanya berlaku di tebing sungai yang terletak agak tersorok dan jarang dilalui orang ramai,"

katanya.

Mengambil contoh aktiviti pembuangan sampah haram di tebing sungai berhampiran Kampung Lembah Kinrara pernah di lapor media sebelum ini, beliau berkata, ramai penduduk yang kesal dengan perbuatan tersebut.

Katanya, mereka yang tidak bertanggungjawab bukan sahaja membuang sampah tetapi turut membakar sampah hingga menimbulkan masalah kepada penduduk setempat.

Bagaimanapun, jika terdapat laluan jalan dibina di tebing sungai siap berpagar dan dipenuhi landskap, pihaknya berpendapat ia tidak lagi dijadikan sasaran pembuangan sampah.

"Biasanya bila ada jalan di tepi sungai dan kenderaan lalu-lalang, kawasan persekitaran sungai akan bersih dan boleh mengelakkan pencemaran berlaku," katanya.



07 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 187.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,189.79
PR value: MYR 9,569.37 • Item ID: MY0026211708

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahs@ssn.org.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Peniaga bazar contoh bakal terima insentif raya

SUBANG JAYA – Baucar wang tunai dan barang bernilai hampir RM113,000 ditawarkan kepada peniaga bazar Ramadan yang menjalankan perniagaan tanpa melanggar syarat ditetapkan MPSJ, termasuk menerima pengiktirafan Anugerah Peniaga Contoh.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, wang tunai dan baucar berkenaan disumbangkan syarikat swasta, Unilever (M) Holdings Sdn Bhd melalui jalinan kerjasama yang dimeterai.

Menurutnya, seramai 275 peniaga terawal mendaftar ketika Taklimat Bazar Ramadan, Ahad lalu, menerima baucar wang tunai dan barang bernilai RM300.

Daripada jumlah itu katanya, seramai 25 peniaga bakal dipilih bagi menerima hadiah wang tunai dan insentif raya berjumlah RM800.

“Melalui kerjasama ini juga, syarikat swasta tersebut menawarkan hadiah bernilai RM1,000 kepada 10 peniaga



Nor Hisham (tengah) ketika menerima replika hadiah tajaan Unilever sebagai simbolik Program Insentif Raya daripada Pengurus Pemasaran Unilever, Angeline Ho

contoh bazar Ramadan bagi tahun ini tertakluk kepada syarat ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata, peniaga perlu mencapai beberapa kriteria, termasuk bebas daripada dikenakan tindakan penguatkuasaan dan mempunyai inisiatif serta kreativi-

ti dalam melaksanakan program hijau ketika berurus niaga.

“Selain itu, pemenang juga diberi keistimewaan memilih lokasi bazar Ramadan bagi permohonan tahun depan tanpa melalui proses undian,” katanya.

Headline	Jangan takut pangkah bulan Hadi		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	07 Jun 2016	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	35	ArticleSize	273 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 4,657
Journalist	Mohd Izzatul Izuan Tahir	PR Value	RM 13,970
Frequency	Daily		



Jangan takut pangkah 'bulan': Hadi

■ MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR - Pengundi bukan Islam diingatkan supaya tidak perlu rasa takut memangkah 'bulan' pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, 18 Jun ini.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sambil berseloroh berkata, bulan yang berlambang bulat tidak boleh dipusing-pusing se-pertimana dacing.

"Bulan lambang yang suci sebab ia berbentuk bulat.tak berubah kalau nak pusing pun tak boleh sebab bulat.

"Orang Cina patutnya biasa dengan bulan sebab me-

reka juga makan kuih bulan setiap kali perayaan. Bulan juga menunjukkan bilangan hari," katanya ketika berucap pada Majlis Jamuan Makan di Dewan Bagan Sungai Besar, di sini, petang semalam.

Beliau berkata, Pas akan menunaikan janji sepertimana bulan yang mengelilingi bumi mengikut paksinya.

"Calon Pas (PRK Parlimen Sungai Besar), Dr Abdul Rani Osman seorang yang mesra pengundi sama ada Melayu, Cina dan India termasuklah

terbaik yang perlu disokong anut agama Islam malah turut semua pengundi," katanya.

Ketua Pemuda Pas Kawasan Sungai Besar, Mohd Razali Saari berkata, kehadiran pengundi bukan Islam pada majlis berkenaan dianggap luar biasa dalam keadaan Pas tidak menyertai Pakatan Harapan.

Katanya, populariti dan personaliti yang ada pada Abdul Hadi menyebabkan pengundi Tiong Hua dan India yakin terhadap Pas yang dilihat bukan saja mem-Jawa dan Banjar. Inilah calon

membela nasib semua kaum di negara ini.

"Kami tak sangka, kaum bukan Islam menerima baik Pas dan kami yakin mereka dapat berikan sokongan kepada calon Pas pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar," katanya.

Beliau berkata, program berkenaan anjuran Dewan Himpunan Penyokong Pas (DHPP), Lajnah Perpaduan Nasional dan Parti Ikatan Bangsa Malaysia.



Abdul Hadi (dua, kanan) bersama Abdul Rani hadir pada Jamuan Makan dan Berbuka Puasa di Dewan Bagan Sungai Besar.



07 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 38
Printed Size: 312.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 5,322.00 • PR value: MYR 15,966.00 • Item ID: MY0026211784

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAHUSA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 1

Parkir bertingkat siap tahun depan

MPSJ peruntuk RM11.1 juta bagi pembinaan kemudahan itu di kawasan komersial SS15

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

SUBANGJAYA—Kemudahan tempat letak kereta di kawasan komersil SS15 yang dinantikan sejak hampir 20 tahun lalu bakal terlaksana dengan pembinaannya dijangka siap tahun depan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, kos pembinaan hampir RM11.1 juta ditanggung sepenuhnya pihak majlis.

Menurutnya, Projek Kompleks Tempat Letak Kereta Bertingkat SS15, Subang Jaya dibina setinggi empat tingkat dan sebanyak 645 unit petak parkir disediakan.

"Pembangunan termasuk tujuh unit parkir untuk orang kurang upaya (OKU).

"Projek bermula 9 Mei lalu dan dijangka siap pada 7 Mei tahun depan. Ia adalah anta-

ra inisiatif MPSJ menyelesaikan masalah kekurangan parkir di kawasan SS15 sekali gus mengelakkan parkir haram di sekitar kawasan ini," katanya selepas menyempurnakan Majlis Upacara Pecah Tanah Kompleks Tempat Letak Kereta Bertingkat di SS15.

Beliau berkata, kewujudannya juga bagi menyediakan parkir yang selamat bagi warga SS15 dan menyelesaikan masalah kesesakan aliran trafik di kawasan tersebut.

"Saya minta penduduk di kawasan SS15 supaya bersabar jika terdapat sebarang kesulitan sepanjang tempoh pembinaan kemudahan ini kelak," katanya.

Beliau berkata, kadar caj parkir akan ditentukan kemudian namun pihaknya berjanji tidak akan membebarkan.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh Tseow Suan berkata, be-

liau berterima kasih kepada MPSJ kerana merealisasikan impian penduduk dan pemilik komersil di SS15.

Katanya, perancangan dan perbincangan mengenai pembinaan kemudahan tersebut sudah beberapa kali dibuat.

"Masalah kesesakan tempat letak kereta di sini berlaku disebabkan pelajar dari kolej swasta berdekatan meletakkan kereta di kawasan ini menyebabkan petak parkir sedia ada penuh.

"Saya lega ia dibina juga akhirnya selepas beberapa tahun perkara ini dibincangkan," katanya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 3, Singam M berkata, dia jarang ke kawasan komersil SS15 disebabkan sukar meletakkan kenderaan di kawasan komersil itu.

Katanya, majoriti tapak parkir disediakan untuk peniaga dan pelanggan dipenuhi kereta milik pelajar kolej berdekatan.

"Saya jarang datang ke sini sebab susah nak letak kereta, bila ada kemudahan tempat letak kereta baru ni, mungkin bolehlah berkunjung ke sini, kelak," katanya.



SINGAM



Nor Hisham (tengah), Hannah Yeoh (empat, kanan) dan penduduk ketika menyempurnakan Majlis Upacara Pecah Tanah Kompleks Tempat Letak Kereta Bertingkat di SS15.



07 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 43 • Printed Size: 194.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,309.19
PR value: MYR 9,927.57 • Item ID: MY0026211788

PEJABAT SETIAHUSA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Kesedaran jaga alam sekitar meningkat



Siti Zaleha (kanan) ketika merasmikan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Selangor di Perpustakaan Raja Tun Uda.

KESEDARAN masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar mencatatkan peningkatan berbanding sebelumnya.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor, Siti Zaleha Ibrahim berkata, ia berikutan berlaku perkembangan akademik dalam masyarakat.

Menurutnya, seiring peningkatan akademik masyarakat, kesedaran mereka tentang penjagaan alam sekitar juga turut meningkat.

"Tapi, kesedaran itu juga memerlukan tindakan dan usaha yang lebih daripada masyarakat, bukan sekadar tanggungjawab agensi atau

pihak terlibat semata-mata," katanya selepas merasmikan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Selangor.

Beliau berkata, bagi memastikan objektif tercapai JAS turut bekerjasama dengan penggiat industri.

Pihaknya akan terus membantu pihak industri dan organisasi menepati pematuhan yang baik dalam usaha mengelakkan sebarang pencemaran berlaku.

"Bagi menggalakkan penyertaan program kesedaran berkaitan alam sekitar, sebanyak 248 organisasi mendatangani Memorandum Persefahaman (MoU) de-

ngan JAS seluruh Malaysia," katanya.

Menurutnya, tema sambutan tahun ini 'Go Wild For Life' sebagai mesaj kepada masyarakat bagi memastikan bukan sahaja alam sekitar yang perlu dipelihara malah haiwan dan tumbuhan liar juga.

Jelasnya, tema itu mengajak supaya masyarakat melindungi spesies terancam dan bertanggungjawab agar ia sensitif dipelihara.

"Ia melibatkan haiwan atau tumbuhan liar terancam seluruh dunia kerana kepupusan peringkat tempatan boleh mengheret hingga ke peringkat global," katanya.



Sasar pengundi muda

SHAHALAM—Pemuda Parti Amanah Negara (Amanah) Selangor merancang pelbagai program khusus untuk pengundi muda sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar.

Ketua Pemuda Amanah Selangor, Abbas Azmi berkata, program mendekati anak muda menjadi keutamaan dan antara program yang sedang dijalankan ialah bertemu dan bertanya khabar pengundi muda.

"Kita dah menggerakkan jentera seawal dua minggu lepas dan sekarang kekuatan jentera dipertingkatkan lagi.

"Isu cukai barang dan perkhidmatan (GST), kenaikan harga barang, masalah pengangguran menjadi topik ha-

ngat setiap kali kami bertemu pengundi muda.

"Malah, pergolakan politik dalaman Umno/BN dan kehadiran calon Pas juga akan diperjelaskan kepada pengundi muda," katanya.

Menurutnya, mereka yakin dengan kemampuan jentera Pemuda yang semakin diterima rakyat khususnya pengundi muda.

"Segala gerak kerja yang disusun akan dijalankan dengan sebaiknya dan semangat Ramadan menjadi daya penguat jentera.

"Kita juga dapat kerjasama daripada rakan komponen Pakatan Harapan. Pelbagai program sudah dirangka bersama sepanjang tempoh kempen ini," katanya.



07 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 168.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,865.69
PR value: MYR 8,597.07 • Item ID: MY0026211709

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotline@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Pusat barang lusuh diserbu MPS

RAWANG - Sebuah pusat pengumpulan barang lusuh beroperasi lebih 20 tahun di Kundang di sini, diberikan amaran awal oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) selepas beroperasi tanpa kebenaran.

Ketua operasi, Megat Ainul Fadzlil Ainul Fadzil berkata, tindakan juga diambil selepas menerima aduan daripada orang awam berhubung operasinya.

"Sebuah tong roro, alat penimbang dan beg diletakkan barang lusuh dirampas MPS sebagai amaran buat pemilik.

